

14 MAY 1996

Sanusi-Jawatan

SAYA TIADA TERIMA SURAT PERLANTIKAN MB KEDAH, KATA SANUSI

ALOR SETAR, 14 Mei (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah Datuk Seri Sanusi Junid berkata beliau tiada menerima sebarang surat daripada Perdana Menteri mengenai perlantikannya sebagai Menteri Besar Kedah seperti yang disebut-sebut.

Bekas Menteri Pertanian itu juga berkata beliau tidak mengetahui tentang desas-desus kononnya upacara angkat sumpah Menteri Besar yang baru akan berlangsung di hadapan Sultan Kedah di Istana Anak Bukit esok.

"Tak adalah. Ini semua cerita surat khabar...tak betul," katanya semasa ditemui pemberita setibanya di lapangan terbang Sultan Abdul Halim di sini malam tadi untuk menziarahi jenazah bonda Sultan Kedah, Tengku Ampuan Asma Ibni Almarhum Sultan Sulaiman, yang mangkat petang semalam.

Sejak isu Menteri Besar timbul, Sanusi disebut-sebut akan mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan negeri daripada Tan Sri Haji Osman Aroff.

Ketika ditanya sama ada beliau sudah menerima surat perlantikan untuk jawatan itu, Sanusi berkata beliau tidak menerima apa-apa pun daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Perdana Menteri juga tidak menyebut tentang bakal Menteri Besar yang baru semasa perjumpaan mereka minggu lepas.

Ketika ditanya sama ada Perdana Menteri mungkin mengumumkan perkara itu semasa berada di luar negara, Sanusi berkata: "Itu cerita surat khabar".

Dr Mahathir kini berada di Jepun dan kemudian akan ke Amerika Syarikat.

Beliau juga berkata bahawa adalah tidak benar berita kononnya beliau akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah dalam sehari dua ini.

"Saya tak ada terima apa-apa pun. Tak tahu...yang tahu surat khabar," katanya. -- BERNAMA

MFJ NMO